



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM IJAZAH DUAL (DUAL DEGREE)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (Unisza)

KANDUNGAN

GLOSARI	2
---------------	---

GARIS PANDUAN PROGRAM IJAZAH DUAL (*DUAL DEGREE*)

1. Pengenalan.....	3
2. Takrifan dan Huraian	4
3. Pelaksanaan	5
3.1 Syarat Permohonan dan Pendaftaran Program.....	5
3.2 Dokumen Perjanjian MoU/MoA	7
3.3 Yuran Pengajian	7
3.4 Tempoh Pengajian	8
3.5 Pembangunan Kurikulum	9
3.6 Penyeliaan	11
3.7 Pentaksiran	11
3.8 Harta Intelek	12
3.9 Kemudahan Pelajar	12
3.10 Penganugerahan Ijazah	12
3.11 Proses Permohonan Kelulusan	13
4. Ringkasan	14

GLOSARI

Universiti Asal (*Home University*)

Universiti Asal yang menawarkan program Dual Ijazah samaada bagi program peringkat Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar akan mendaftar kali pertama dalam tahun pengajian mereka di Universiti tersebut.

Universiti Hos (*Host University*)

Universiti Hos yang menawarkan program Dual Ijazah pada peringkat Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali kedua dalam tahun pengajian mereka di Universiti berkenaan.

Dual Ijazah (*Dual Degree*)

Gabungan dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan dua institusi penganugerahan ijazah yang bekerjasama dan setanding membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi yang terlibat. Secara terperinci Dual Ijazah ini merupakan penawaran dua program pengajian dari dua bidang yang sama atau hampir sama antara UniSZA dengan institusi pengajian tinggi lain dalam Malaysia atau luar negara.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM IJAZAH DUAL (*DUAL DEGREE*)

1.0 Pengenalan

Garis panduan ini menerangkan panduan umum penawaran program Ijazah Dual (*Dual Degree*) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program kerjasama Ijazah Dual memberi peluang pembelajaran yang luas dari dua institusi, peningkatan kredibiliti pekerjaan dengan dua ijazah, kepelbagaiannya pilihan kerjaya, dan pembinaan hubungan antara institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

Garis panduan ini diharapkan dapat menjadi dokumen rujukan utama yang membantu dan memudahkan fakulti dan pihak pengurusan universiti dalam mengendalikan penawaran program Ijazah Dual di UniSZA.

Garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan dokumen terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan UniSZA seperti berikut:

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Program Ijazah Bersama, Ijazah Dual, dan Ijazah Berganda, KPT
- ii. Standard Program dan Keperluan Akreditasi Badan Profesional Berkaitan
- iii. Garis Panduan Permohonan Program Akademik Universiti Awam, KPT
- iv. Advisory Note N0. 1/2017 Terminologi Standard Bagi Program *Joint Degree* (JD) dan *Double Degree* (DD), MQA
- v. Peraturan Akademik Prasiswazah, UniSZA
- vi. Peraturan Akademik Siswazah, UniSZA

2.0 Takrifan dan Huraian

2.1 Ijazah Dual (*Dual Degree*) melibatkan dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan kerjasama oleh dua institusi penganugerahan ijazah (*degree granting institutions*) yang setanding (*equal standing*) dan membawa kepada **penganugerahan dua skrol oleh institusi yang terlibat (Rujukan: Garis Panduan Pelaksanaan Program Ijazah Bersama, Ijazah Dual, dan Ijazah Berganda, KPT)**

Contoh 1: Sarjana Muda Perniagaantani dengan Kepujian - UniSZA dan Ijazah Sarjana Pertanian (Program Studi Agribisnis) - Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia.

Contoh 2: Sarjana Pengajian Islam – UniSZA dan Sarjana Usuluddin – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei.

2.2 Penawaran program ini melibatkan universiti yang akan berperanan sebagai Universiti Asal (*Home Institution*) dan Universiti Hos (*Host Institution*). Universiti Asal merujuk kepada universiti dimana pelajar mula mendaftar sebagai pelajar manakala Universiti Hos merujuk kepada universiti lain/kedua yang terlibat dalam program Ijazah Dual.

2.3 Takrifan bidang yang sama atau hampir sama adalah merujuk kepada bidang yang dinyatakan di dalam *National Education Code (NEC)*.

2.4 Jam kredit bergraduat bagi melayakkan pelajar menerima dua ijazah daripada dua institusi yang bekerjasama adalah tertakluk kepada persetujuan dan struktur kurikulum bagi kedua-dua program tersebut.

3.0 Pelaksanaan

Pelaksanaan program bagi Ijazah Dual di UniSZA melibatkan tahap pengajian dan maklumat penawaran seperti berikut:

- i. Peringkat Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran.
- ii. Program Sarjana atau Kedoktoran yang ditawarkan secara;
 - a) kerja kursus (*course work*),
 - b) kerja kursus dan disertasi (*mixed mode*) atau
 - c) penyelidikan (*research*).
- iii. Program sedia ada dalam negara telah mendapat akreditasi penuh oleh MQA. Program sedia ada luar negara juga telah mendapat akreditasi atau pengiktirafan daripada badan jaminan kualiti negara tersebut.
- iv. Kedua-dua Universiti diiktiraf oleh badan berkuasa atau badan jaminan kualiti negara masing-masing.

Penamaan program adalah berdasarkan kepada penamaan program sedia ada yang telah mendapat akreditasi penuh.

3.1 Syarat Permohonan dan Pendaftaran Program

3.1.1 Syarat permohonan ke program Ijazah Dual perlu memenuhi syarat yang lebih tinggi seperti yang ditetapkan oleh institusi.

3.1.2 Pendaftaran pelajar ke program Ijazah Dual perlu dilakukan di kedua-dua universiti terlibat.

3.1.3 Permohonan dan pendaftaran program adalah seperti berikut:

i. Sarjana Muda

Pelajar Sarjana Muda yang memperolehi sekurang-kurangnya keputusan purata mata gred kumulatif (CGPA) 3.00 pada tahun pertama layak memohon ke program ini. Permohonan dan pendaftaran pelajar ke program Ijazah Dual di Universiti Asal boleh dilakukan pada semester kedua pengajian dan boleh mengikuti program di Universiti Hos bermula semester ketiga.

ii. Sarjana dan Kedoktoran (Kerja Kursus; Kerja Kursus dan Disertasi)

Pelajar Sarjana (kerja kursus, kerja kursus dan disertasi) yang memperolehi sekurang-kurangnya keputusan purata mata gred kumulatif (CGPA) 3.00 pada semester pertama layak memohon ke program ini. Permohonan dan pendaftaran pelajar ke program Ijazah Dual di Universiti Asal boleh dilakukan bermula semester kedua.

iii. Sarjana dan Kedoktoran (Penyelidikan)

Pelajar pascasiswazah mod penyelidikan boleh memohon untuk mengikuti program ini selepas lulus syarat yang telah ditetapkan dalam struktur program. Pelajar hanya boleh mengikuti program di Universiti Hos setelah lulus sesi mempertahankan kertas cadangan penyelidikan (*proposal defense*) di Universiti Asal dan boleh mendaftar pada semester berikutnya.

3.1.4 Pelajar yang layak akan melalui proses penukaran program akademik daripada program asal ke program Ijazah Dual.

Contoh;

Asal : Sarjana Muda Perniagaantani dengan Kepujian

Baharu : Sarjana Muda Perniagaantani dengan Kepujian
(Program Kerjasama dengan Universitas
Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia.

3.2 Dokumen Perjanjian MoU/MoA

Memorandum Persefahaman (MoU) dan/atau Memorandum Perjanjian (MoA) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniSZA perlu ditandatangani oleh UniSZA dan rakan kerjasama sebelum pelaksanaan program. Persetujuan antara dua institusi ini perlu bagi memastikan segala aspek operasi, pra-syarat program, pelaksanaan, jaminan kualiti akademik dan pengijazahan pelajar adalah terjamin.

3.3 Yuran Pengajian

Yuran pengajian oleh pelajar adalah berdasarkan kadar yang dipersetujui secara bersama antara kedua-dua universiti berkenaan.

3.4 Tempoh Pengajian

3.4.1 Tempoh minimum pengajian program adalah seperti berikut:

Jadual 1: Tempoh minimum pengajian program

Tahap Pengajian	Tempoh Pengajian Minimum
Sarjana Muda	3 tahun
Sarjana - Mod Penyelidikan	2 tahun*
Sarjana - Mod Campuran dan Kerja Kursus	1 tahun*
Kedoktoran - Mod Penyelidikan	3 tahun*
Kedoktoran - Mod Campuran dan Kerja Kursus	3 tahun*

* tempoh lazim

(Rujukan: Garis Panduan Permohonan Program Akademik Universiti Awam (GPPA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2018).

3.4.2 Pelaksanaan tempoh minimum ini tertakluk kepada keperluan badan profesional atau standard program (jika berkaitan). Namun, tempoh pengajian adalah bergantung kepada gabungan program yang ditawarkan.

3.4.3 Tempoh pemastautin (*residential year*) bagi program Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) semester di setiap universiti sepanjang pengajian (kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos).

3.5 Pembangunan Kurikulum

- 3.5.1 Struktur kurikulum bagi Ijazah Dual akan ditentukan oleh kedua-dua universiti yang terlibat (Universiti Asal dan Universiti Hos).
- 3.5.2 Sekiranya UniSZA berperanan sebagai Universiti Hos maka pelaksanaan adalah tertakluk kepada peraturan Universiti Asal dan persetujuan yang dicapai antara UniSZA dan Universiti Asal.
- 3.5.3 Jam kredit bergraduat minimum adalah mengikut tahap pengajian Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*).
- 3.5.4 Pindahan kredit bagi program Sarjana Muda dan Sarjana secara mod kerja kursus/kerja kursus dan disertasi, boleh dilakukan secara horizontal. Pelajar layak untuk mendapatkan peratusan perpindahan kredit mengikut syarat perpindahan kredit secara horizontal oleh MQA dan universiti masing-masing.
- 3.5.5 Kesetaraan kursus adalah tidak kurang daripada 80%. Jam kredit kursus yang disetarakan perlulah sekurang-kurangnya sama atau lebih.
- 3.5.6 Bagi negara yang 1 jam kredit tidak bersamaan 40 jam SLT, kesetaraan SLT adalah menggunakan *European Credit Transfer and Accumulation System (ECTS)* (Rujukan: Surat MQA.100-1/7/1 (28 bertarikh 11 Oktober 2017). Kesetaraan Student Learning Time (SLT) kursus adalah seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Kesetaraan *Student Learning Time* (SLT) kursus

Kriteria	UniSZA	Rakan Kerjasama
Jam SLT	80	120
Jam Kredit	<p>Garis Panduan MQA:</p> <p>40 jam SLT = 1 jam kredit</p> <p>Contoh; Pengiraan jam kredit bagi kursus 80 jam SLT $= 80 \text{ jam SLT} / 40 \text{ jam SLT}$ $= 2 \text{ jam kredit}$</p>	<p>Garis Panduan MQA:</p> <p>1 ECTS kredit = 30 jam SLT</p> <p>1.5 ECTS kredit = 1 jam kredit</p> <p>Contoh 1; Pengiraan jam kredit bagi kursus 120 jam SLT $= 120 \text{ jam SLT} / 30 \text{ jam SLT}$ $= 4 \text{ ECTS kredit}$ $= 4 \text{ ECTS kredit} / 1.5 \text{ ECTS kredit}$ $= 2.7 \text{ jam kredit}$</p> <p>Contoh 2; Pengiraan jam kredit bagi kursus dengan 1.7 ECTS $= 1.7 \text{ ECTS} / 1.5 \text{ ECTS} \times 1 \text{ jam kredit}$ $= 1.13 \text{ jam kredit}$</p> <p>Oleh itu = 1 jam kredit</p>

3.5.7 Kesetaraan kurikulum perlulah melebihi 80%.

Contoh pemetaan dan pengiraan kesetaraan kurikulum di Lampiran 1.

3.6 Penyeliaan

- 3.6.1 Struktur program pascasiswazah penyelidikan yang melibatkan komponen penyelidikan akan ditentukan oleh kedua-dua universiti yang terlibat (Universiti Asal dan Universiti Hos).
- 3.6.2 Kedua-dua universiti perlu melantik sekurang-kurangnya seorang penyelia bagi program yang melibatkan komponen penyelidikan.
- 3.6.3 Penyelia dari Universiti Asal akan berperanan sebagai penyelia utama manakala penyelia dari Universiti Hos akan berperanan sebagai penyelia bersama.

3.7 Pentaksiran

- 3.7.1 Pentaksiran bagi program secara kerja kursus adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan di Universiti Asal atau Universiti Hos semasa pelajar aktif di universiti berkenaan.
- 3.7.2 Pemeriksa Tesis Sarjana dan Kedoktoran (Penyelidikan)
 - i. Pelantikan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan di Universiti Asal.
 - ii. Pelajar perlu menyediakan hanya satu tesis penyelidikan dan menjalani satu sesi pemeriksaan lisan (*viva voce*) sahaja. Pemeriksaan lisan boleh dilaksanakan dimana-mana universiti yang dipersetujui bersama antara Universiti Asal dan Universiti Hos.

3.8 Harta Intelek

Pemilikan hak harta intelek yang terhasil daripada kerjasama antara Universiti Asal dan Universiti Hos tertakluk kepada persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak yang bekerjasama.

3.9 Kemudahan Pelajar

Pelajar boleh mendapat kemudahan (jika ada) yang disediakan semasa pelajar berada di Universiti Asal atau Universiti Hos. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh universiti masing-masing dan di antara universiti terlibat.

3.10 Penganugerahan Ijazah

3.10.1 Syarat penganugerahan ijazah bagi program Ijazah Dual perlu memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti.

3.10.2 Pelajar akan menerima dua skrol yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti yang terlibat dalam penawaran program Ijazah Dual ini. Pernyataan khas (*linking statement*) yang menghubungkan dua skrol penganugerahan perlu tercatat di dalam skrol (Lampiran 2).

Contoh:

Sarjana Muda Perniagaantani dengan Kepujian
(Program Kerjasama dengan Universitas Muhammadiyah
Yogyakarta, Indonesia)

*Bachelor in Agribusiness with Honours
(Collaboration programme with Universitas Muhammadiyah
Yogyakarta, Indonesia)*

dan

Ijazah Sarjana Pertanian (Program Studi Agribisnis)
(Program Kerjasama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin,
Malaysia)

*Bachelor of Agriculture (Agribusiness Study Program)
(Collaboration programme with Universiti Sultan Zainal Abidin,
Malaysia)*

3.10.3 Penamaan (*nomenclature*) penganugerahan Ijazah Dual adalah mengikut nama program di kedua-dua universiti yang telah mendapat kelulusan dan pengiktirafan badan berautoriti.

3.10.4 Sekiranya prestasi pelajar semasa mengikuti program Ijazah Dual tidak mencapai tahap keputusan akademik minimum yang ditetapkan, maka pelajar boleh dianugerahkan dengan satu ijazah sahaja mengikut syarat dan ketetapan program yang telah ditentukan oleh Universiti Asal.

3.11 Proses Permohonan Kelulusan Program Ijazah Dual

Fakulti perlu mengemukakan KC permohonan program kerjasama (Lampiran 3 atau Lampiran 4) kepada Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik (CoMAE-i) untuk di bawa ke mesyuarat JKPT seperti Lampiran 5.

4.0 Ringkasan Program Ijazah Dual

BIL	PERKARA	IJAZAH DUAL
1.	Kuasa Tertinggi Kelulusan Pelaksanaan	JKPT, KPT
2.	Pemilikan	Dimiliki oleh kedua-dua universiti
3.	Akreditasi	Program yang telah mendapat akreditasi penuh
4.	Dokumen Perjanjian MoU/MoA	Memerlukan MoU dan/atau MoA
5.	Syarat Kemasukan	Merujuk kepada kedua-dua universiti
6.	Pendaftaran Pelajar	Di kedua-dua universiti
7.	Yuran Pelajar	Bayaran di kedua-dua universiti. Bayaran yuran ke Universiti Hos akan diuruskan oleh Universiti Asal
8.	Struktur Kurikulum	Ditentukan oleh kedua-dua universiti
9.	Pelaksanaan	Program secara berturutan bagi semua mod pengajian.
10.	Perpindahan Kredit	Secara horizontal
11.	Pemastautin	Minimum adalah selama satu semester bagi peringkat Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran di setiap universiti
12.	Pelantikan Penyelia Utama	Penyelia utama dari Universiti Asal
13.	Pelantikan Penyelia Bersama	Penyelia bersama dari Universiti Hos
14.	Pelantikan Pemeriksa	Mengikut syarat Universiti Asal
15.	Jenis Mod Program (Kerja Kursus/ Kerja Kursus & Penyelidikan/Penyelidikan)	Semua mod program
16.	Pentaksiran	Mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui antara Universiti Asal dan Universiti Hos.
17.	Bilangan Tesis	1 tesis
18.	Syarat Penganugerahan	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti
19.	Bilangan Skrol	2 skrol
20.	Format Skrol	Skrol dikeluarkan oleh kedua-dua universiti dan diletakkan <i>linking statement</i>
21.	Pernyataan Jenis Program	Tercatat di transkrip

LAMPIRAN 1

Contoh pemetaan dan pengiraan kesetaraan kurikulum

BACHELOR IN AGRIBUSINESS WITH HONOURS (UniSZA)				BACHELOR OF AGRICULTURE (STUDY PROGRAM AGRIBISNIS) (UMY)			
UNIVERSITY COURSES							
NO	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	ECTS
1	PBI10102	ENGLISH FOR COMMUNICATION I	2	22L 111 22L 122	ENGLISH I ENGLISH 2	1 1	1.7 1.7
2	MPU31072	APPRECIATION OF ETHICS AND CIVILIZATIONS	2	22P 121	AQIDAH AKHLAQ	2	3.4
				22P 131	FIQIH	2	3.4
3	MPU32092	FUNDAMENTALS OF ENTREPRENEURIAL ACCULTURATION	2	22U 212	ENTREPRENEURSHIP	3	5.1
4	*** *****	CO CURRICULUM	3	*****	KKN (STUDENT COMMUNITY SERVICE)	3	5.1
5	*** *****	FOREIGN LANGUAGE	2	22U 621	INDONESIA LANGUAGE	2	3.4
6	PBI10202	ENGLISH FOR COMMUNICATION II	2	22L 133	ENGLISH 3	1	1.7
				22L 144	ENGLISH 4	1	1.7
				22L 155	ENGLISH 5	2	3.4
7	MPU31062	PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUE	2	22P 131	TEMATICS TAFSIR	2	3.4
8	MPU33032	REVEALED KNOWLEDGE AND SOCIETY	2	22L 211	PANCASILA AND CITIZENSHIP	3	5.1
COURSES NOT EQUIVALENT							
9	MPU33052	INTEGRITY AND ANTI CORRUPTION	2	22P 151	MUHAMMADIYAH	2	3.4
CORE COURSES							
BIL	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	ECTS
1	ABB10103	INTRODUCTION TO AGRIBUSINESS	3	22U 222	AGRIBUSINESS MANAGEMENT	3	5.1
				22U 221	BASIC MANAGEMENT	2	3.4
2	ABB11403	AGRICULTURE ECONOMY	3	22U 213	AGRICULTURAL ECONOMIC	2	3.4
				22U 232	MICROECONOMICS	3	5.1
				22L 444	MACROECONOMICS	3	5.1
3	ABB11303	AGRIBUSINESS PROJECT PLANNING AND MANAGEMENT	3	22U 745	BUSINESS PLAN	3	5.1
4	ABB11603	PRINCIPLES OF CROP PRODUCTION	3	22U 131	AGRICULTURAL SCIENCES	2	3.4
				22U 332	CULTIVATION	3	5.1
5	ABS12303	PRINCIPLES OF ACCOUNTING	3	22U 283	ACCOUNTANCY	3	5.1
6	ABB25302	AGRIBUSINESS MARKETING	2	22U 213	AGRICULTURAL MARKETING	3	5.1
				22U 263	MARKETING MANAGEMENT	3	5.1
7	ABB25703	FOOD SUPPLY CHAIN MANAGEMENT	3	22P 535	SUPPLY CHAIN	2	3.4
				22L 646	COLD CHAIN	2	3.4

8	ABB25103	POSTHARVEST TECHNOLOGY	3	22P 212	AGRICULTURAL PRODUCTION TECHNIQUE	3	5.1
9	ABB26003	HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT	3	22U 233	HUMAN RESOURCE MANAGEMENT	2	3.4
10	ABB20902	COMMUNICATION IN AGRICULTURE	2	22U 311	AGRICULTURAL COMMUNICATION	2	3.4
11	MSS21903	BUSINESS STATISTICS	3	22U 322	STATISTICS	3	5.1
				22L 616	ECONOMETRY	3	5.1
				22U 332	MATHEMATICAL ECONOMIC	2	3.4
				22P 565	MANAGERIAL ECONOMICS	2	3.4
12	ABB25402	e-AGRIBUSINESS	2	22U 412	e-COMMERCE AGRIBUSINESS	2	3.4
13	ABB25503	AGRICULTURAL EXTENSION	3	22P 232	AGRICULTURAL SOCIOLOGY	2	3.4
				22U 516	DESIGN AND TECHNIQUE OF COMMUNITY EMPOWERMENT	3	5.1
				22U 541	SOCIAL AGRICULTURE	2	3.4
14	ABB26702	AGRIBUSINESS RESEARCH METHODOLOGY	2	22U 616	RESEARCH METHODOLOGY	4	6.8
				22U 671	QUANTITATIVE METHOD	3	5.1
15	ABB27002	AGRIBUSINESS ENTREPRENEURSHIP	2	22U 285	ENTREPRENEURSHIP MBKM	20	34

16	ABB31103	RESEARCH PROJECT I	3	22U 647	THESIS	5	8.5
17	ABB37303	RESEARCH PROJECT II	3	22U 647	THESIS	5	8.5
18	ABB45812	INDUSTRIAL TRAINING	12	22U 284	INTERNSHIP	3	5.1
				22U 285	INTERNSHIP MBKM	20	34
COURSES NOT EQUIVALENT							
19	ABB10502	INTRODUCTION TO AGRICULTURAL BIOTECHNOLOGY	2				
20	ABB11502	INTRODUCTION TO ANIMAL PRODUCTION	2				
21	ABB25903	PRINCIPLES OF AQUACULTURE	3				
22	ACB10203	ACCOUNTING MANAGEMENT	3				
23	ABB20303	INTRODUCTION TO FOOD SCIENCE	3				
		TOTAL	13				

ELECTIVE COURSES							
BIL	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	ECTS
1	ABB31003	AGRIBUSINESS POLICY AND REGULATIONS	3	22U 242	AGRICULTURE DEVELOPMENT POLICY	2	3.4
2	ABB36203	INNOVATION IN AGRIBUSINESS	3	22P 212	AGRICULTURAL PRODUCTION TECHNIQUE	3	5.1
3	ABB36303	AGRIBUSINESS INFORMATION TECHNOLOGY	3	22P 311	INFORMATION AND COMPUTING TECHNOLOGY	3	5.1

				22P 224	AGRIBUSINESS INFORMATION MANAGEMENT	3	5.1
4	ABB36403	AGRIBUSINESS STRATEGIC MANAGEMENT	3	22U 422	BUSINESS FEASIBILITY STUDY	3	5.1
5	ABB36503	INTERNATIONAL AGRIBUSINESS	3	22U 335	INTERNATIONAL TRADE	3	5.1
6	ABB36603	CURRENT TRENDS IN AGRIBUSINESS	3	22U 435	CAPITA SELECT OF INTERNATIONAL POLITICAL ECONOMY	2	3.4
7	FBF10103	FINANCIAL MANAGEMENT	3	22U 243	FINANCIAL MANAGEMENT	2	3.4
8	ABB36703	AGRICULTURE WASTE MANAGEMENT	3				
9	ABB36803	BEVERAGE TECHNOLOGY	3				
10	ABB35503	FARM MANAGEMENT	3	22U 223	AGRICULTURAL PRODUCTION MANAGEMENT	3	5.1
11	ABB35603	PEST AND DISEASE MANAGEMENT	3	22L 143	CROP PROTECTION	3	5.1
12	ABB35703	INDUSTRIAL CROPS	3	22P 212	AGRICULTURAL PRODUCTION TECHNIQUE	3	5.1
13	ABB35803	FOOD CROPS	3	22P 212	AGRICULTURAL PRODUCTION TECHNIQUE	3	5.1
14	ABB36903	URBAN AGRICULTURE	3				
15	ABB37003	AGROTOURISM	3				
16	ABB37103	PLANT PRODUCTION TECHNOLOGY	3	22P 222	PROCESSING AND PRODUCT INNOVATION TECHNIQUE	3	5.1
17	ABB37203	MEAT PRODUCTION TECHNOLOGY	3	22P 222	PROCESSING AND PRODUCT INNOVATION TECHNIQUE	3	5.1
18	XXXXxxxx	ELECTIVE	3				
					COURSES NOT OFFERED		
				22P 114	SYARIAH BUSINESS	3	5.1
				22P 513	RETAIL MANAGEMENT	2	3.4
GRADUATE CREDIT HOURS			120	GRADUATE CREDIT HOURS		144	244.8
TOTAL CREDIT MAPPED			105	TOTAL CREDIT MAPPED		129	219.3
			87.5%			89.6%	89.6%

Catatan; Hijau adalah kursus yang tidak ditawarkan atau yang tidak setara yang tidak di kira dalam kesetaraan kurikulum. *European Credit Transfer and Accumulation System (ECTS)*.

Pengiraan peratus pemetaan kurikulum Sarjana Muda Perniagaantani dengan Kepujian – UniSZA ke Ijazah Sarjana Pertanian (Program Studi Agribisnis) - Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia.

Jumlah jam kredit bergraduat : 120

Jumlah jam kredit setara : $105/120 \times 100 = 87.5\%$

Pengiraan peratus pemetaan kurikulum Ijazah Sarjana Pertanian (Program Studi Agribisnis) - Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia ke Sarjana Muda Perniagaantani dengan Kepujian – UniSZA.

Jumlah jam kredit bergraduat : 144

Jumlah jam kredit setara : $129/144 \times 100 = 89.6\%$

**Contoh Penawaran Kursus Di Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY),
Indonesia untuk Semester 6 Dan 7**

BACHELOR IN AGRIBUSINESS WITH HONOURS (UniSZA)				BACHELOR OF AGRICULTURE (STUDY PROGRAM AGRIBUSINESS) (UMY)			
SEMESTER 6				SEMESTER 6			
BIL	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	COURSE CODE	COURSE NAME	SKS	ECTS
1	ABB37303	RESEARCH PROJECT II	3	22U 647	THESIS	5	8.4
2	ABB35503	FARM MANAGEMENT	3	ELECTIVE COURSES*		14	
	ABB35603	PEST AND DISEASE MANAGEMENT		22U 435	CAPITA SELECT OF INTERNATIONAL POLITICAL ECONOMY*	2	3.4
3	ABB35703	INDUSTRIAL CROPS	3	22P 513	RETAIL MANAGEMENT*	2	3.4
	ABB35803	FOOD CROPS		22P 535	COMMUNICATION PSYCHOLOGY*	2	3.4
4	ABB36903	URBAN AGRICULTURE	3	22P 555	SALESMANSHIP*	2	3.4
	ABB37003	AGROTOURISM		22L 555	NATURAL RESOURCES MANAGEMENT*	2	3.4
5	ABB37103	PLANT PRODUCTION TECHNOLOGY	3	22P 416	COMMUNITY DYNAMICS*	2	3.4
	ABB37203	MEAT PRODUCTION TECHNOLOGY		22P 615	CONSUMER BEHAVIOR*	2	3.4
6	XXXXXXX	ELECTIVE	3				
		TOTAL	18			TOTAL	19
SEMESTER 7				SEMESTER 7			
1	ABB45812	INDUSTRIAL TRAINING	12	22U 285	INTERNSHIP MBKM	20	34
		TOTAL	12			TOTAL	20

LAMPIRAN 2



LAMPIRAN 3

FORMAT KERTAS KERJA PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA UA/PPT DALAM DAN LUAR NEGARA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	NAMA UNIVERSITI	Nama UA
2.	BUTIRAN UNIVERSITI LUAR NEGARA YANG DICADANGKAN	Nama Taraf Institusi (Awam/Swasta) Alamat Nama program (Bahasa Inggeris) Nama badan akreditasi/badan berautoriti Ranking Antarabangsa
3.	BUTIRAN PROGRAM YANG DICADANGKAN	Nama (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris) NEC Entiti akademik yang memohon Mod penawaran program Tahap pengajian Tempoh pengajian Kredit bergraduat Lokasi penawaran program Sesi penawaran Unjuran pelajar Syarat kemasukan
4.	MODEL KERJASAMA	Nyatakan bentuk kerjasama

5.	JUSTIFIKASI MENGADAKAN KERJASAMA	Justifikasi perlu menyokong visi, misi dan bidang tujuan UA
6.	TERMA PERJANJIAN	Terma rujukan – sila lampirkan perjanjian (MoA) Model kewangan
7.	IMPAK KERJASAMA	Enrolmen pelajar Yuran pengajian (Warganegara dan Bukan Warganegara) Sumber manusia Kebolehpasaran graduan Kepentingan negara Lain-lain
8.	KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM	Syarat pemastautin Struktur kurikulum Peratus pindah kredit Penawaran (serentak/berturutan) Tesis/Viva (bilangan tesis dan panel)
9.	PENGANUGERAHAN	Pemilikan dan akauntabiliti Bilangan skrol
10.	TARIKH CADANGAN MULA PELAKSANAAN	Nyatakan semester dan sesi pengajian program akademik akan dimulakan
11.	KELULUSAN	Kelulusan asal program oleh JKPT Senat LPU/LGU

LAMPIRAN 4

FORMAT KERTAS KERJA PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA UNIVERSITI AWAM (UA) DENGAN INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) DALAM NEGARA

(Format ini dan Lampiran A hendaklah dilengkapkan oleh UA bagi setiap program kerjasama dengan setiap IPTS)

Bahagian I : Maklumat UA

1. Nama Universiti : _____
2. Rakan Kerjasama : _____
3. Ringkasan Program Kerjasama
4. Sistem kawalan kualiti ke atas :
 - i. Pengambilan Pelajar :

 - ii. Pengambilan Tenaga Pengajar IPTS :

 - iii. Kurikulum Program Kerjasama :

 - iv. Pengendalian Penilaian Akademik :

Bahagian II : Maklumat IPTS

1. Nama Institusi : _____

2. Tahun didaftar : _____ ditubuhkan _____

3. Alamat Institusi :

4. Hakmilik Institusi :

a) Nama dan Alamat Syarikat

b) Jenis modal :

i) Modal yang dibenar : _____

ii) Modal berbayar : _____

c) Ekuiti dan Peratusan

Ekuiti	Peratus
Ekuiti Bumiputra	
Ekuiti Bukan Bumiputra	
Ekuiti Asing	

5. Pemegang-pemegang Saham :

Pemegang Saham	Warganegara	Peratus	Nilai Saham

6. Pengurus dan Keahlian Lembaga Pengarah Syarikat :

Nama	Warganegara	Profesyen

7. Maklumat Ketua Eksekutif :

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Warganegara	
Kelulusan Akademik & Profesional	
Pengalaman dalam bidang Pendidikan	

8. Unjuran pelajar (Sila nyatakan perancangan pengambilan, enrolmen dan keluaran pelajar mengikut tahun – seperti di Lampiran B)

9. Tenaga Pengajar (Sila senaraikan nama, kelayakan dan taraf jawatan tenaga pengajar – seperti di Lampiran C)

LAMPIRAN A**PROGRAM KERJASAMA UA-IPTS****UA :**

Nama IPTS yang menjalankan Program Kerjasama	Nama Program (Peringkat dan Bidang)	Model Kerjasama	Tarikh Lulus LPU	Tempoh Perjanjian (MOU/ MOA)	Yuran Pengajian (Setahun)	Tahun dimulakan di IPTS	Tahun dimulakan di UA	Enrolmen Pelajar Tahun Pertama		Syarat Masuk (dengan ringkas)	Bilangan Tenaga Pengajar
								Bumi-putra	Bukan Bumi		

* Nota : Tahun Pertama adalah berdasarkan tahun pertama kemasukan pelajar

LAMPIRAN B

UNJURAN PENGAMBILAN, ENROLMEN DAN KELUARAN PELAJAR BAGI PROGRAM KERJASAMA UA-IPTS

IPTS:

Bil	Nama program	Tahun Pertama			Tahun Kedua			Tahun Ketiga			Tahun Keempat			Tahun Kelima		
		I	E	O	I	E	O	I	E	O	I	E	O	I	E	O

* Nota : Unjuran bagi Tahun Pertama adalah berdasarkan tahun pertama kemasukan pelajar

I- Intake

E - Enrolment


O - Output


LAMPIRAN C**MAKLUMAT TENAGA PENGAJAR BAGI PROGRAM KERJASAMA UA-IPTS****IPTS :**

Bil	Nama	Kelayakan Akademik	Taraf Jawatan (Tetap/Kontrak/ Sambilan)	Warganegara	Tahun Mula Berkhidmat

LAMPIRAN 5

Proses Permohonan Kelulusan Program Ijazah Dual






Fakulti/
Bendahari

Fakulti/
Bendahari

Fakulti/
Bendahari



RUJUKAN

Garis Panduan Pelaksanaan Program Ijazah Bersama (Joint Degree), Ijazah Dual (Dual Degree) dan Dwi Ijazah/ Ijazah Berganda (Double Degree) di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), 2020

Garis Panduan Permohonan Program Akademik Universiti Awam (GPPA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), 2018

TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini telah mendapat kelulusan Senat Bil. 4/2025 pada 26 Mac 2025.